

PENGURUSAN RISIKO BENCANA

CBD RM PENGURUSAN RISIKO BENCANA BERASASKAN MASYARAKAT

Program Pengurusan Risiko Bencana Peringkat Masyarakat (CBD RM)



Program pengurusan risiko bencana peringkat masyarakat merupakan program latihan bagi memperkasakan masyarakat dalam menghadapi bencana akan datang melalui **strategi persediaan, pemantauan, tindakan dan pemulihan** oleh **masyarakat sendiri.**



2. OBJEKTIF

01

Mempertingkatkan daya tahan masyarakat (keupayaan penyesuaian dan tindakan) di fasa persediaan, kecemasan, dan pemulihan

02

Mengenalpasti dan mengurangkan risiko, faktor keterdedahan dan keterancaman masyarakat dalam menghadapi bencana

03

Merancang dan mengadakan pelan persediaan dan tindakan yang boleh dilakukan oleh masyarakat sebagai *first responder* ketika bencana



Foto 1: Bengkel CBDRM seharusnya dilakukan dengan kerjasama pelbagai pihak terutamanya, Pejabat Daerah dan agensi-agensi yang terkait.



MODUL 1: PENGURANGAN RISIKO BENCANA

MODUL 2: KESIHATAN AWAM

MODUL 3: MASYARAKAT BERDAYA TAHAN

MODUL 4: PEMETAAN RISIKO

**MODUL 5: PERANCANGAN STRATEGI, TINDAKAN
DAN PEMULIHAN**



4. FASA PROGRAM

»» FASA 1

Perancangan

FASA 2

Pentadbiran

FASA 3

Pelaksanaan

FASA 4

Semakan



FASA 5

Pelaporan

- 1. Mengenalpasti kumpulan masyarakat yang bakal dilibatkan dalam program (contoh: ketua kampung, pengurus MPKK, AJK KRT, wakil peniaga, wakil AJK masjid, wakil sekolah, wakil persatuan, wakil warga emas, wakil OKU, wakil ibu tunggal, dll).**
- 2. Mengenalpasti jenis penempatan di daerah atau kawasan (contoh: kampung, taman perumahan, perumahan strata, penduduk pulau, dll).**
- 3. Menetapkan AJK program di peringkat setempat (contoh: Pejabat Daerah, agensi berkaitan, NGO, pihak swasta, dll).**



4. FASA PROGRAM



1. Menyediakan kertas kerja program di peringkat daerah termasuk cadangan pembiayaan.
2. Menetapkan **tarikh, masa dan tempat** program.
3. Mengeluarkan **surat jemputan** kepada semua pihak yang terlibat.
4. Mengenalpasti dan melantik pasukan **pelatih dan fasilitator**.
5. Menentukan perincian pra-program (***training of trainers***).



4. FASA PROGRAM



1. Menjalankan **program berdasarkan modul** yang telah disediakan.
 2. Mengumpulkan **hasil perbincangan** dan menyediakan laporan.
 3. Mendapatkan **maklum balas tentang program** melalui borang maklum balas yang diedarkan kepada peserta.
-



1. Membuat **penilaian maklum balas** peserta tentang program.
 2. Menjalankan **mesyuarat post-mortem**.
-



1. Menyediakan **laporan program**.
2. Perancangan **program seterusnya**.



4. FASA PROGRAM



Pengisian program sehari CBDRM boleh dibahagikan kepada **empat (4)** kaedah seperti berikut:



1. Penerangan secara terperinci tentang **maklumat serta pendekatan pengurusan risiko bencana berdasarkan masyarakat secara sistematisik.**
 2. Penerangan tentang **aspek, peranan serta strategi masyarakat dalam menghadapi bencana.**
 3. Sesi **soal jawab** antara penceramah dengan peserta supaya setiap kemusykilan dapat diperjelaskan.



4. FASA PROGRAM



»» KAEDAH 1
Ceramah

»» KAEDAH 2
Perbincangan kumpulan

»» KAEDAH 3
Tinjauan lapangan

»» KAEDAH 4
Pembentangan

- 1. Perbincangan kumpulan akan memberi peluang kepada setiap peserta untuk memberi pendapat serta cadangan dalam mencapai tujuan program.**
- 2. Setiap kumpulan kecil yang dibahagikan terlebih awal akan dipandu oleh seorang fasilitator. Fasilitator terdiri dari individu yang telah mengikuti program TOT.**
- 3. Aktiviti berkumpulan akan diselesaikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan di dalam modul program.**

ROGRAM PENGURUSAN
KO BENCANA
ASKAN KOMUNITI (PANDEMIK)
RISIKO PANDEMI, TANGGUNGJAWAB KITA SEMBANA
KELUARGA MALAYSIA STAGANNA



Foto 2: Perbincangan kumpulan diadakan bagi menyiapkan tugas dan aktiviti di kalangan peserta



5. KAEADAH PROGRAM



»» KAEDAH 1
Ceramah

»» KAEDAH 2
Perbincangan kumpulan

»» KAEDAH 3
Tinjauan lapangan

»» KAEDAH 4
Pembentangan

1. Tinjauan lapangan pemetaan risiko dapat dilakukan di kawasan yang telah ditetapkan lebih awal.
2. Zon berisiko tinggi atau selamat yang mempunyai keupayaan boleh dikenalpasti dan ditandakan oleh AJK program lebih awal.
3. Tinjauan lapangan boleh juga digantikan dengan perbincangan berkumpulan berdasarkan peta kawasan berukuran besar yang dilukis di atas kertas mahjong.

* Kaedah tinjauan lapangan hanya dijalankan sekiranya terdapat keperluan




Foto 3: Mengenalpasti zon berisiko dan zon selamat sebelum menjalankan tinjauan lapangan

lat 3.141813° lon 101.910788° elev 153 m eye alt 4.95 km

Image ©2022 Maxar Technologies



Foto 5: Merancang kawasan serta lokasi yang bakal ditinjau dan kaedah penandaan



Foto 6: Meninjau lokasi yang berisiko, terdedah atau yang berkeupayaan semasa bencana berlaku




Foto 7: Contoh hasil tinjauan yang dilakukan oleh masyarakat bagi aktiviti pemetaan risiko

AKTIVITI BERKUMPULAN

Zon	Kumpulan	Tinjauan
4	4	Risiko/Keterdedahan

No	Risiko/Keterdedahan	Bahaya	Keterancaman (semasa bencana)	Tindakan
1	Simpang Paya Lebar	Simpang utama dan rendah	Terputus hubungan	Membuat penanda aras
2	Jambatan Tok Ajak roboh	Terputus hubungan	Sukar bagi kerja penyelamatan	Memperbaiki jambatan secepatnya
3	Belakang Madrasah	Kawasan rendah	Banjir	Membuat penanda aras
4	Culvert Jalan Paya Lebar	Aliran air tersumbat	Banjir	Gotong royong pembersihan dan besarkan
5	Sungai cetek	Air sungai cepat naik	Banjir	Mendalamkan sungai



5. KADEAH PROGRAM



»» KAEDAH 1
Ceramah

»» KAEDAH 2
Perbincangan kumpulan

»» KAEDAH 3
Tinjauan lapangan

»» KAEDAH 4
Pembentangan

1. Peserta dikehendaki **membentangkan hasil berbincangan** kepada peserta dari kumpulan lain.
2. Seorang **moderator** yang mempunyai pengalaman pengurusan bencana di daerah tersebut akan mengendalikan sesi pembentangan.
3. Peserta lain digalakkan **berkongsi maklumat atau memberikan pandangan** kepada pembentangan kumpulan.
4. Hasil pembentangan akan **dicatat sebagai laporan program bengkel.**



Foto 8: Kaedah program – Perbincangan kumpulan dan pembentangan hasil perbincangan.

TERIMA KASIH

